

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 08/09/2007

# Ekonomi negara dijangka kukuh – PM

um - 8/9/2007

KUALA LUMPUR 7 Sept. – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yakin ekonomi negara pada tahun depan terus kukuh dengan kadar pertumbuhan meningkat antara enam hingga 6.5 peratus, meskipun keadaan ekonomi dunia dan serantau tidak menentu.

Perdana Menteri semasa membentangkan Bajet 2008 di Dewan Rakyat hari ini berkata, pertumbuhan itu didorong oleh peningkatan pelaburan dan penggunaan swasta serta awam.

Menurut beliau, pelaburan swasta dijangka berkembang sebanyak 9.5 peratus, manakala penggunaan swasta pada kadar 7.9 peratus.

Katanya, pendapatan per kapita dijangka meningkat sebanyak 6.8 peratus kepada RM23,864 dan daripada aspek kuasa beli.

Menurutnya, sektor perkhidmatan dijangka berkembang sebanyak 8.6 peratus, dipacu oleh aktiviti pelancongan, pengangkutan, kewangan dan perbankan, hartanah, pendidikan, kesihatan dan teknologi maklumat dan komunikasi.

“Permintaan bagi produk elektrik dan

elektronik dijangka pulih dan dapat memberi sumbangan kepada pertumbuhan sektor pembuatan pada kadar 3.8 peratus.

“Sektor pembinaan termasuk pembangunan hartanah pula akan berkembang lebih cergas pada kadar 6.3 peratus berikutan peningkatan aktiviti kejuruteraan awam,” katanya.

Abdullah berkata, sektor pertanian juga dijangka meningkat sebanyak 3.5 peratus berikutan penekanan yang diberikan kepada sektor perladangan dan ternakan.

Menurutnya, prestasi yang memberangsangkan itu adalah hasil daripada projek Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Perdana Menteri turut berkata, perbelanjaan kerajaan akan terus ditumpukan kepada membina kapasiti untuk menyokong pertumbuhan ekonomi yang lebih mapan.

Ini akan dilakukan melalui penyediaan infrastruktur, kemudahan awam, pendidikan dan perkhidmatan sosial, termasuk kesihatan serta kebajikan rakyat, katanya.

Ketika menyentuh mengenai Bajet 2008, Abdullah berkata, sejumlah RM176.9 bilion diperuntukkan untuk bajet kali ini, iaitu

10.9 peratus lebih tinggi berbanding peruntukan pada tahun 2007.

“Daripada jumlah ini, RM128.8 bilion adalah bagi peruntukan mengurus, manakala RM48.1 bilion disediakan bagi peruntukan pembangunan.

## Peruntukan

Beliau berkata, di bawah peruntukan mengurus sebanyak RM64 bilion atau 49.6 peratus adalah bagi Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap, RM36.2 bilion untuk Emolument, RM25.5 bilion bagi Perkhidmatan dan Bekalan, RM2.1 bilion untuk Pembelian Aset dan RM1.13 bilion untuk perbelanjaan lain.

Katanya, bagi peruntukan pembangunan, bahagian terbesar RM20.6 bilion ialah untuk sektor ekonomi yang terdiri daripada sektor pertanian, perindustrian dan infrastruktur.

Sejumlah RM15.6 bilion diperuntukkan kepada sektor sosial iaitu pendidikan, kesihatan dan perumahan, tambah beliau.

“Sektor keselamatan menerima RM7 bi-

lion, sementara pentadbiran sebanyak RM2.9 bilion serta Simpanan Luar Jangka sebanyak RM2 bilion.

Abdullah berkata, matlamat kerajaan adalah untuk memastikan pertumbuhan ekonomi berterusan dan pada masa yang sama mengurangkan defisit fiskal secara progresif.

Menurutnya, defisit fiskal Kerajaan Persekutuan telah dapat dikurangkan dengan ketara daripada 5.5 peratus pada tahun 2000 kepada 3.3 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 2006.

Pada tahun 2007, defisit dijangka terus dikurangkan kepada 3.2 peratus, katanya.

Beliau berkata, bagi tujuan itu, kerajaan akan terus meningkatkan kecekapan dan keberkesanan dalam pungutan hasil, dan pada masa yang sama, memastikan pengurusan perbelanjaan dijalankan secara berhemat.

Beliau juga berkata, kedudukan fiskal Kerajaan Persekutuan diunjurkan lebih baik dengan defisit dikurangkan lagi kepada paras 3.1 peratus pada tahun 2008.